

12 AUG 2002

Abdullah-BN/I

ABDULLAH MAHU PIHAK BERBALAH DALAM PBRIS DAN SNAP SUPAYA BERSATU

PENAMPANG, 12 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyeru pihak-pihak yang bertelingkah dalam Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRIS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) supaya bersatu dan menyelesaikan masalah mereka dengan baik demi kebaikan Barisan Nasional (BN).

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN, berkata ini kerana kekuatan BN bergantung kepada sumbangan atau sokongan parti komponennya.

"Oleh itu nasihat saya (kepada pihak-pihak terbabit) ialah selesaikan masalah yang dihadapi itu kerana kita mahu setiap parti komponen BN berada dalam keadaan kuat supaya sokongan mereka kepada BN akan memperkuat lagi BN," katanya kepada pemberita selepas membuka persidangan perwakilan Pertubuhan Pasokmologun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di Dewan Tun Fuad Stephens di sini.

PBRIS berada dalam dilema apabila Tan Sri Joseph Kurup dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan masing-masing mendakwa memenangi jawatan presiden parti itu dalam mesyuarat berasingan oleh menyokong mereka pada persidangan dua tahunan parti itu pada 28 Jan tahun ini.

Kekalutan itu diselesaikan apabila Pendaftar Pertubuhan (ROS) kemudian mengesahkan mesyuarat yang diadakan oleh penyokong Kurup, dengan itu mengesahkan kedudukan beliau sebagai Presiden PBRIS.

Bagaimanapun krisis kuasa itu berterusan, yang memuncak dengan pemecatan Dr Kitingan daripada PBRIS pada 15 Julai lepas. Dr Kitingan bagaimanapun berkata beliau tidak mengakui kesahihan tindakan pemecatan itu.

SNAP pula terlibat dalam krisis kepimpinan pada April lepas setelah Jawatankuasa Kerja Pusat (CEC) parti itu memecat Anggota Partlimen Bintulu Datuk Seri Tiong King Sing kerana melanggar perlembagaan parti, satu tindakan yang dibantah oleh sembilan anggota CEC,

Kumpulan sembilan itu yang terdiri daripada lima anggota Dewan Undangan Negeri dan empat anggota Parlimen, diketuai oleh Datuk Seri Peter Tinggom, meminta supaya Datuk Amar James Wong meletak jawatan.

Semalam, kumpulan itu sebukat suara memilih Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Negeri Datuk William Mawan Ikom sebagai presiden parti pada mesyuarat agung luar biasa di Kuching.

Abdullah berkata sesuatu peralihan kuasa perlu dijalankan secara licin. dan dalam Umno, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berusaha memastikan yang parti itu akan terus stabil "jika terdapat perubahan kuasa apabila beliau bersara kelak."

"Jika beliau (Dr Mahathir) tidak berbuat sesuatu, ia mungkin menjejaskan kestabilan parti (Umno)," katanya.

Oleh itu, kata beliau, penting bagi semua parti komponen BN mengelakkan perbalahan dalaman untuk memastikan yang kekuatan BN akan berterusan terutama dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

NT RM NMO